

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 August 2015

Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat

Kerajaan akan tangani - PM

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi jaminan kerajaan akan berusaha sedaya upaya menangani situasi kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) bagi memastikan ekonomi negara terus stabil.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa berdepan dengan faktor luaran dan cabaran dala-

man termasuk lakaran negatif oleh pihak tertentu terhadap keadaan ekonomi negara.

"Walau bagaimanapun, hari ini dalam laporan terkini oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi tetap berada pada landasan yang stabil dengan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus pada suku kedua 2015," katanya dalam satu kenyataan melalui blog *NajibRazak.com* hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, kejatuhan

nilai ringgit berlaku atas beberapa faktor termasuk tindakan kerajaan China menurunkan nilai yuan sekali gus menyebabkan mata wang negara-negara anggota ASEAN jatuh.

Selain itu, Najib memberitahu, penurunan harga komoditi seperti minyak, minyak sawit dan getah secara mendadak telah menyebabkan kejatuhan nilai ringgit lebih-lebih lagi kerana Malaysia adalah pengeluar komoditi-komoditi tersebut.

"Terdapat juga jangkaan AS

akan menaikkan kadar faedah, membuatkan ramai pelabur di serata dunia memindahkan dana mereka dalam mata wang dolar AS," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, mainan dan spekulasi politik yang keterlaluan telah menyebabkan sentimen tidak menentu terhadap pentadbiran negara sehingga memberi kesan terhadap nilai ringgit.

Sementara itu, Najib melalui laman Facebook beliau hari ini meminta semua pihak membuat

perbandingan antara kadar pertumbuhan ekonomi negara pada suku kedua tahun ini dengan negara-negara lain.

Laman Facebook Perdana Menteri turut memaparkan laporan Bank Negara Malaysia bagi suku kedua tahun ini di mana China mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak tujuh peratus diikuti Indonesia (4.7 peratus), United Kingdom (2.6 peratus), AS (2.3 peratus), Korea Selatan (2.2 peratus), Singapura (1.8 peratus) dan Taiwan (0.6 peratus).

Um - 14/8/2015